

Newspaper	Berita Harian
Date	7 November 2015

MIC kena ketepi politik kasta: PM

» *Parti perlu laksana transformasi, bantu BN menangi PRU*

Oleh **Norakmah Mat Youb dan Sophia Ahmad**
bhnews@bh.com.my

► **Serdang**

MIC perlu mengeneikan amalan politik kasta jika mahu peranan mereka terus signifikan dalam membangunkan masyarakat India negara.

Perdana Menteri Datuk Seri

Najib Razak berkata, transformasi walaupun sudah kedengaran begitu klise, perlu dilakukan bagi menjamin kesinambungan parti dalam membantu Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Usah pilih kem

Beliau berkata, kepimpinan baharu MIC perlu memandang serius penyertaan semua pihak, tanpa memilih kem atau kasta tertentu jika mahu visi dan misi parti berjaya sepenuhnya.

“Jangan tolak mereka kerana tidak masuk dalam kem atau kasta kita. Kita mesti terima mereka kerana barisan pemimpin India tanpa dipengaruhi kedudukan sosial masing-masing perlu membawa seluruh

komuniti bersama mereka.

“Siapa pun mereka, semuanya adalah kaum India Malaysia dan bukan pendatang. Tapi, jika anda singkirkan mereka, jangan salahkan orang lain kalau anda pula disingkirkan selepas ini,” katanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-67, di sini, semalam.

Perdana Menteri menegaskan kemenangan BN dalam PRU perlu dipertahankan bukan semata-mata kerana kuasa, namun ia perlu bagi membolehkan kerajaan terus berusaha mengubah hala tuju komuniti, kumpulan etnik, rakyat dan negara secara keseluruhan.

Katanya, kuasa yang dimenangi melalui PRU akan memberi ruang untuk BN membentuk kerajaan memerintah,

sekali gus menjayakan semua matlamat dan visi yang ada.

Perubahan besar

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, pemilihan barisan kepimpinan baharu MIC memperlihatkan satu perubahan besar dan ia perlu disokong oleh perubahan secara menyeluruh parti.

“Apa yang saya ingin lihat bukan sahaja perubahan dari segi kepimpinan, malah perubahan dalam erti kata sebenar, bukan hanya sekadar perubahan aspek personaliti.

“MIC perlu mengubah diri menjadi parti yang mencerminkan cita rasa, aspirasi dan kehendak kaum India, khususnya dalam konteks politik,” katanya.

Serentak itu, MIC perlu mengamalkan kaedah pentadbiran yang baik dan adil, termasuk membuka pintu kepada calon yang kalah dalam pemilihan kali ini.

“Saya nak MIC bukan lagi kecil dengan penyertaan yang menguncup, tetapi lebih besar di semua peringkat. Walaupun mereka kumpulan minoriti, perlu ambil dan duduk bersama (dalam parti),” katanya.

BH
- 7/11/2015